



Berdagang saham-saham mewah dengan lebih murah dan pantas.....Kenali niaga hadapan stok tunggal (SSF)!!

Niaga hadapan stok tunggal (SSF) boleh menjadi tambahan kepada hampir semua portfolio. Ia menyediakan saluran untuk melindungi nilai risiko pendedahan saham anda, selain melakukan spekulasi ke atas pergerakan harga saham. SSF menawarkan nisbah hutang berbanding ekuiti (gearing) dan lebih murah untuk didagangkan berbanding pelaburan saham langsung. Anda boleh membeli atau menjual SSF pada bila-bila masa, tanpa perlu bimbang kepada sebarang peraturan.

SSF akan boleh didagangkan tidak lama lagi. Hubungi broker niaga hadapan hari ini untuk memulakan dagangan.

Spesifikasi Kontrak SSF

Saham Dasar	Stok-stok terpilih yang memenuhi kriteria pemilihan SSF. Sila rujuk kepada senarai Q.2 “Stok SSF yang mana boleh didagangkan?” di bawah.
Saiz Kontrak	1,000 saham
Bulan-bulan Kontrak	Bulan spot, bulan seterusnya dan suku bulanan pada dua kalendar yang seterusnya. Bulan sukuan kalendar ialah Mac, Jun, September dan Disember.
Masa Dagangan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Sesi pertama berdagang :Waktu Malaysia 08:45 a.m. hingga 12:45 p.m. ➤ Sesi kedua berdagang :Waktu Malaysia 02:30 p.m. hingga 05:15 p.m.
Minimum Naik Turun harga	0.02 mata nilai pada RM20.00
Had Harga Harian	Tiada
Had Kedudukan Spekulatif	<ul style="list-style-type: none"> ➤ 1,350 kontrak, kedudukan terbuka bersih kasar, atau ➤ 2,300 kontrak, kedudukan terbuka bersih kasar. (jika Purata Bilangan Dagangan Harian [ADTV] saham dasar melebihi 20 juta bagi tempoh enam-bulan paling terkini)
Hari Terakhir Berdagang	Hari Perniagaan Terakhir bulan kontrak.
Penghantaran	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Penyelesaian secara tunai berasaskan Nilai Penyelesaian Terakhir. ➤ Nilai Penyelesaian Terakhir hendaklah Harga Purata Dipertimbangkan, dihimpun kepada 2 angka mata, atau dalam keadaan nilai penyelesaian terakhir yang sama jarak antara 2 harga minimum naik turun, nilainya hendaklah dihimpun kepada harga minimum naik turun yang tertinggi yang didagangkan bagi sesi dagangan pagi dan petang di Bursa Malaysia pada hari terakhir berdagang,

Soalan Yang Kerap Ditanya (FAQ)

1. Apakah itu SSF?
2. Stok yang manakah boleh didagangkan secara SSF?
3. Bagaimanakah cara SSF dilaksanakan?
4. Bagaimanakah saya akan mendapat manfaat daripada berdagang SSF?
5. Apakah risiko berdagang SSF?
6. Apakah yang perlu saya awasi semasa berdagang SSF?
7. Bagaimanakah SSF berbeza daripada Indeks Komposit Niaga Hadapan KL (FKLI)?
8. Bagaimanakah SSF berbeza daripada stok-stok?
9. Bagaimana saya boleh mula berdagang SSF?
10. Perlukah saya memegang sebarang stok individu sebelum saya boleh berdagang SSF?
11. Apakah bulan kontrak SSF yang boleh berdagang?
12. Apakah itu 'margining' dan bagaimanakah kaedahnya?
13. Apakah keperluan margin bagi SSF?
14. Bagaimana saya mengikuti perkembangan portfolio SSF saya?
15. Apakah akan ada perbezaan antara harga bagi SSF dan saham dasarnya?
16. Apakah akan berlaku kepada kedudukan SSF saya apabila berlaku acara korporat?
17. Apa berlaku apabila saham dasar membayar dividen?
18. Apa berlaku kepada kedudukan SSF saya apabila berlaku pengambil alihan korporat?
19. Apa berlaku apabila saham dasar digantung?

1. Apakah itu SSF?

SSF merupakan niaga hadapan ke atas stok-stok individu yang tersenarai di Bursa Malaysia dan memiliki ciri-ciri berikut:

- Kontrak Yang Diselaraskan
SSF memiliki spesifikasi kontrak yang standard seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia
- Bursa didagangkan
SSF didagang dan diluluskan di Bursa Malaysia
- Kuantiti standard aset dasar yang khusus
Setiap SSF adalah bersamaan dengan 1,000 saham aset dasar
- Tempoh tamat bagi tarikh niaga hadapan yang ditetapkan awal
SSF tamat tempoh pada hari perniagaan terakhir sesuatu bulan kontrak dan disempurnakan secara tunai.

Apabila anda membeli atau menjual kontrak SSF, ia adalah bersamaan dengan membeli atau menjual 1,000 aset dasar pada harga yang dipersetujui sekarang, bagi penghantaran atau penyelesaian akhir pada tarikh hadapan apabila tempoh kontrak telah matang. Anda boleh menutup kontrak hadapan yang anda beli (tempoh panjang) atau jual (tempoh singkat) pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh dagangan.



2. Stok yang manakah boleh didagangkan secara SSF?

SSF ke atas saham-saham mewah Bursa Malaysia yang berikut, boleh didagangkan bermula 28 April 2006:

1. BURSA MALAYSIA BHD
2. AIRASIA BHD
3. AMMB HOLDINGS BHD
4. BERJAYA SPORTS TOTO BHD
5. GENTING BHD
6. IOI CORPORATION BHD
7. MAXIS COMMUNICATIONS BHD
8. RHB CAPITAL BHD
9. SCOMI GROUP BHD
10. TELEKOM MALAYSIA BHD

3. Bagaimana cara SSF?

Berikut adalah penerangan mengenai kaedah SSF Jun 2006 ke atas Genting Bhd., dengan rujukan FGEN JUN06:

- Huruf "GEN" menunjukkan aset dasar dalam Genting Bhd
- Huruf "F" menunjukkan ia adalah produk hadapan, terutama SSF
- JUN06 menunjukkan tarikh tamat kontrak pada hari terakhir perniagaan Jun 2006, iaitu Jumaat, 30 Jun 2006.

Dengan menjangkakan harga FGEN JUN06 pada masa ini didagangkan pada RM22.80. Anda yakin harga itu akan meningkat dalam tempoh yang pendek dan memutuskan untuk membeli 1 kontrak FGEN JUN06, yang bersamaan dengan 1,000 saham Genting Bhd.. Jika broker niaga hadapan anda menetapkan Margin Awal (suatu bentuk cagaran) sebanyak RM3,250 setiap satu kontrak, jumlah itu akan didebitkan daripada akaun dagangan anda dan didepositkan ke dalam amanah broker.

Mari kita jangkakan kontrak FGEN JUN06 telah meningkat kepada RM24.80. Anda kini yakin bahawa ia telah tiba ke harga puncak dan memutuskan untuk menutup kedudukan itu. Anda kemudiannya, akan menjual kontrak 1 FGEN JUN06 bagi menutup kedudukan tempoh jangka panjang yang masih ada. Margin Awal kemudiannya dipulangkan semula bersama dengan perbezaan dalam nilai aset dasar, iaitu 1,000 saham x (RM24.80 – RM22.80) = RM2,000.

Modal anda kini telah meningkat kepada RM5,250 daripada RM3,250, suatu pulangan sebanyak 60 peratus semasa dalam tempoh di mana harga saham hanya meningkat sebanyak 8.8 %

Nota:: Contoh ini tidak mengambil kira kos transaksi

4. Bagaimanakah saya akan mendapat manfaat daripada berdagang SSF?

- Keuntungan daripada pasaran `bull' atau `bear'
Anda boleh menjual SSF jangka pendek dalam kadar segera, dengan kurang karenah berbanding pinjaman saham dan tiada peraturan yang perlu dibimbangkan. Jualan singkat dengan SSF adalah lebih efisien, dan tekanan singkat tidak mungkin berlaku.
- Leveraj/ Gearing (Nisbah hutang berbanding ekuiti)
Margin Awal ialah antara 10% dan 25% daripada nilai saham dasar, yang membebaskan tunai dan membolehkan anda melabur nilai yang ada atau menggunakan dana bagi lain-lain tujuan. Margin Awal boleh dikeluarkan dalam bentuk tunai Ringgit Malaysia, mata wang asing terpilih, stok-stok yang diluluskan dan surat jaminan kredit/bank.
- Penjimatan kos transaksi
Kos transaksi bagi setiap SSF yang dibeli atau dijual ialah kira-kira RM30-RM45, yang secara umumnya lebih rendah daripada fi transaksi stok. Tambahan itu, SSF disempurnakan secara tunai, jadi ia tidak memiliki kos berkaitan dengan transaksi dan penghantaran saham sebenar.
- Meningkatkan strategi-strategi dagangan
 - Melindung nilai
Apabila mengalami tempoh turun naik dalam pasaran saham, keperluan untuk melindungi nilai pendedahan risiko anda bertambah. SSF membolehkan anda meninggalkan kedudukan asal stok dan pada masa yang sama, meneutralkan risiko kedudukan itu dan membolehkan penerimaan dividen secara berterusan.
 - Dagangan Tebaran/Dagangan Berpasangan
SSF membolehkan dagangan secara `berpasangan' apabila ada keyakinan satu daripadanya akan mengatasi yang satu lagi. Strategi ini melibatkan kaedah memegang kedudukan panjang dan singkat dalam stok berkaitan untuk mengeksploitasi kemajuan positif pada satu syarikat berbanding kemajuan negatif atau neutral syarikat yang lain. Strategi ini membolehkan anda mendapat keuntungan dalam pasaran naik atau turun.
 - Dagangan Leveraj
SSF membolehkan anda untuk memulakan arah tuju langsung dagangan sebagai ganti stok dasar. Penggunaan leveraj akan membesarkan kesan peluang yang diberi daripada segi harga.
 - Dagangan Syarikat-Khusus
SSF boleh digunakan untuk memulakan kedudukan terikat kepada syarikat khusus yang neutral kepada perubahan dalam keseluruhan pasaran. Ini dilakukan dengan dagangan tebaran SSF berbanding Indeks Komposit Niaga Hadapan Kuala Lumpur (FKLI). Acara-acara korporat `bullish' boleh dieksploitasi dengan menjual FKLI dan membeli SFF, manakala acara-acara korporat yang negatif boleh dieksploitasi dengan membeli FKLI dan menjual SSF. Sebaliknya, anda juga boleh mengalihkan kesan stok tunggal daripada indeks lebih luas – misalnya, menukar 100 saham Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) ke dalam KLCI 99. Nisbah lindung nilai digunakan bagi mengenalpasti pertimbangan wajar untuk mencapai tebaran neutral antara stok SSF dan indeks niaga hadapan.

5. Apakah risiko berdagang SSF?



Leveraj membesarkan kesan perubahan harga dan boleh juga menyebabkan kerugian besar jika pasaran bergerak menentang kedudukan SSF. Pergerakan buruk harga boleh menyebabkan panggilan margin, memerlukan pelabur untuk membayar lebih banyak wang. Jika anda tidak mengekalkan imbalan margin, kedudukan SSF anda mungkin ditutup akibat rugi.

Apabila membuka akaun dagangan niaga hadapan, anda mesti membaca dan memahami Dokumen Pendedahan Risiko yang disediakan oleh broker niaga hadapan anda.

6. Apakah yang perlu saya awasi semasa berdagang SSF?

- Awasi kedudukan anda
Berdagang SSF boleh berisiko, jadi anda perlu memeriksa kedudukan anda secara kerap sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan risiko anda.
- Panggilan Margin
Selain daripada memungut Margin Awal sebagai suatu bentuk cagaran, broker anda akan 'mark-to-market' atau menilai semula portfolio SSF anda pada hari terakhir perniagaan berdasarkan harga penyelesaian yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia. Jika kedudukan anda menjana kerugian, anda akan diminta mengemukakan akaun anda dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pemansuhan kedudukan anda. Dan jika kedudukan anda menjana keuntungan, anda dibenarkan mengeluarkan lebih dana daripada akaun dagangan anda. Konsep panggilan margin akan diperjelaskan lebih lanjut pada S.12 "Apakah itu 'margin' dan bagaimanakah kaedahnya?".
- Kesan acara korporat tertentu
Apabila acara korporat seperti penerbitan bonus atau saham, dan berlaku pemisahan dalam stok dasar, semua kedudukan terbuka akan diselaraskan kepada harga rujukan baru tetapi saiz kontrak akan dikekalkan pada 1,000 saham setiap satu kontrak. Mana-mana lot yang ganjil akan diselesaikan secara tunai.
- Arahan henti-kerugian
Anda boleh mengemukakan arahan henti-kerugian dengan broker anda, jika anda tidak berupaya memantau kedudukan anda secara aktif.

7. Bagaimanakah SSF berbeza daripada Indeks Komposit Niaga Hadapan KL (FKLI)?

SSF adalah kontrak hadapan berdasarkan stok individu yang tersenarai di Bursa Malaysia, dan maka itu, menjejaki pergerakannya kepada stok dasar individu berkenaan. FKLI adalah berdasarkan Indeks Komposit Kuala Lumpur, dan ia menjejaki pergerakannya kepada 100 saham emas Bursa Malaysia.

8. Bagaimanakah SSF berbeza daripada stok-stok?

Ciri-ciri	Stok	SSF														
Modal Pelaburan	100% nilai pasaran kecuali kemudahan margin dagangan boleh diperolehi.	Dikehendaki mengemukakan Margin Awal, iaitu kira-kira 10% - 25% daripada nilai pasaran, dengan penyesuaian harian mengenai keuntungan dan kerugian dalam akaun dagangan anda.														
Pergerakan Minimum Harga	<table border="0"> <tr> <td>Dibawah RM1.00</td> <td>1/2 sen</td> </tr> <tr> <td>RM1.00 hingga RM2.99</td> <td>1 sen</td> </tr> <tr> <td>RM3.00 hingga RM4.98</td> <td>2 sen</td> </tr> <tr> <td>RM5.00 hingga RM9.95</td> <td>5 sen</td> </tr> <tr> <td>RM10.00 hingga RM24.90</td> <td>10 sen</td> </tr> <tr> <td>RM25.00 hingga RM99.75</td> <td>25 sen</td> </tr> <tr> <td>RM100.00 dan ke atas</td> <td>50 sen</td> </tr> </table>	Dibawah RM1.00	1/2 sen	RM1.00 hingga RM2.99	1 sen	RM3.00 hingga RM4.98	2 sen	RM5.00 hingga RM9.95	5 sen	RM10.00 hingga RM24.90	10 sen	RM25.00 hingga RM99.75	25 sen	RM100.00 dan ke atas	50 sen	0.02 mata nilai pada RM20.00 satu kontrak
Dibawah RM1.00	1/2 sen															
RM1.00 hingga RM2.99	1 sen															
RM3.00 hingga RM4.98	2 sen															
RM5.00 hingga RM9.95	5 sen															
RM10.00 hingga RM24.90	10 sen															
RM25.00 hingga RM99.75	25 sen															
RM100.00 dan ke atas	50 sen															
Jangka Hayat	Tiada Tempoh Tamat	Semua kedudukan terbuka tamat tempoh dan diselesaikan secara tunai ke atas harga penyelesaian muktamad.														

9. Bagaimana saya boleh mula berdagang SSF?

Anda akan dikehendaki membuka akaun berdagang niaga hadapan dengan broker niaga hadapan, dan perlu menandatangani wang atau cagaran dengan broker anda sebelum memulakan dagangan.

10. Perlukah saya memegang sebarang stok individu sebelum saya boleh berdagang SSF?

Tidak, anda tidak perlu memiliki stok individu untuk berdagang SSF. Anda juga tidak perlu menjual atau membeli sebarang saham apabila tamat tempoh kontrak SSF, yang akan disempurnakan secara tunai.

11. Apakah bulan kontrak SSF yang boleh berdagang?



Bagi setiap stok individu, SSF bagi bulan spot, bulan seterusnya dan sukuan bulan dua kalendar dibolehkan untuk berdagang. Kalendar sukuan bulan ialah Mac, Jun, September dan Disember. Ini bermakna pada bila-bila satu masa dan bagi setiap stok dasar, terdapat 4 kontrak hadapan SSF yang tersenarai untuk didagangkan. Misalnya, pada Mei 2006, empat bulan kontrak hadapan bagi AirAsia Bhd SSFs (kod kontrak "FAIR") ialah kontrak FAIR MAY06, FAIR JUN06, FAIR SEP06 dan FAIR DEC06. Apabila kontrak FAIR MAY06 tamat tempoh pada hari terakhir perniagaan pada Mei 2006, kontrak FAIR JUN06 menjadi kontrak bulan spot pada keesokan harinya dan bulan baru seterusnya bagi kontrak FAIR JUL06 akan disenarai bagi dagangan.

12. Apakah itu 'margin' dan bagaimanakah kaedahnya?

Istilah "margin" merujuk kepada dua tahap margin minimum – Margin Awal dan Penyenggaraan. Margin Awal adalah deposit yang diperlukan apabila anda memulakan kedudukan, manakala Margin Penyenggaraan adalah paras minimum yang anda perlukan dalam akaun dagangan untuk meneruskan pegangan kedudukan niaga hadapan anda.

Sebelum anda boleh memulakan dagangan, broker anda akan mengutip Margin Awal, suatu bentuk cagaran atau bon prestasi yang akan dipulangkan kepada anda apabila menutup kesemua kedudukan terbuka anda (fi transaksi bersih, kerugian dan/atau apa sahaja jumlah yang dihutang kepada broker anda). Secara umumnya, Margin Awal ditetapkan oleh Bursa Malaysia antara 10% dan 25% daripada nilai kontrak dasar, tetapi broker anda mungkin memerlukan lebih daripada margin minimum yang ditetapkan oleh Bursa bagi mengurangkan kekerapan panggilan margin. Margin Awal boleh dikeluarkan dalam bentuk tunai, mata wang asing terpilih, stok yang diluluskan dan surat kredit/jaminan bank. Margin Awal yang ditetapkan oleh Bursa akan berubah daripada masa ke masa bergantung kepada keadaan pasaran.

Broker anda juga akan melakukan 'mark-to-market' atau menilai semula nilai portfolio SSF anda pada setiap hari perniagaan berdasarkan harga penyelesaian yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia, dan akaun anda akan dikreditkan (keuntungan) atau debit (kerugian). Jika kedudukan anda mencatat kerugian yang lebih besar daripada paras Margin Penyenggaraan, anda akan diminta menambah wang dalam akaun dagangan anda dalam tempoh yang ditetapkan, dimana kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pemansuhan kedudukan anda. Sebaliknya, jika kedudukan anda menghasilkan keuntungan, anda akan dibenarkan untuk mengeluarkan lebih dana sehingga paras Margin Penyenggaraan dalam akaun dagangan anda.

Misalnya:

Tarikh/Kegiatan		Harga Penyelesaian ABC Bhd SSF JUN06 (RM)	Imbangan Akaun (RM)	Penjelasan
Hari 1	Anda mendeposit RM1,000 ke dalam akaun dagangan anda		1,000	Margin diperlukan bagi setiap lot kontrak ABC Bhd Jun 2006 SSF ("FABC JUN06"): Margin Awal: RM100 Margin Penyenggaraan: RM80
Hari 2	Anda membeli 10 kontrak FABC JUN06 @ RM2.00	2.20	1,000 + 2,000 = 3,000	Keuntungan RM2,000 dikredit ke dalam akaun. $(RM2.20 - RM2.00) \times 1,000 \times 10 = RM2,000$
Hari 3	Harga FABC JUN06 jatuh	2.02	3,000 - 1,800 = 1,200	Kerugian RM1,800 didebitkan daripada akaun. $(RM2.02 - RM2.20) \times 1,000 \times 10 = -RM1,800$
Hari 4	Harga FABC JUN06 terus jatuh	1.96	1,200 - 600 = 600	Kerugian lagi sebanyak RM600 didebitkan daripada akaun. $(RM1.96 - RM2.02) \times 1,000 \times 10 = -RM600$ Panggilan margin dikeluarkan kerana imbangan akaun kini kurang daripada keperluan margin penyenggaraan. $(RM80 \times 10 = RM800)$ Anda memiliki pilihan berikut: (1) Menambahkan akaun margin ke paras Margin Awal sebanyak RM1,000 (RM100 setiap kontrak), atau (2) mengurangkan bilangan kedudukan terbuka kepada 6 kontrak.
Hari 5	Anda telah memilih untuk menambahkan akaun dan mengekalkan kedudukan anda, Harga FABC JUN06 memulih sedikit.	1.98	600 + 400 + 200 = 1,200	Anda mendeposit RM400 bagi memulihkan paras minimum Margin Awal. Pada hari terakhir dagangan, keuntungan sebanyak RM200 dikreditkan ke dalam akaun. $(RM1.98 - RM1.96) \times 1,000 \times 10 = RM200$

Tarikh/Kegiatan		Harga Penyelesaian ABC Bhd SSF JUN06 (RM)	Imbangan Akaun (RM)	Penjelasan
Hari 6	Harga FABC JUN06 meningkat besar. Anda memutuskan untuk menutup kedudukan dengan menjual semua 10 kontrak pada 2.20		1,200 + 2,200 = 3,400	Keuntungan sebanyak RM2,200 dikreditkan ke dalam akaun. $(RM2.20 - RM1.98) \times 1,000 \times 10 = RM2,200$ Untung bersih = RM3,400 – (RM1,000 + RM400) = RM2,000

Nota: Contoh ini tidak mengambil kira kos transaksi

13. Apakah keperluan margin bagi SSF?

Minimum Margin Awal bagi SSF dilevi oleh syarikat broker (setakat Mac 2006) dinyatakan di bawah. Sila ambil perhatian Margin Awal adalah tertakluk kepada kajian semula yang kerap dan berkemungkinan berubah mengikut kehendak syarikat broker. Broker-broker mungkin memerlukan deposit Margin Awal bergantung kepada dasar-dasar pengurusan risiko mereka.

Nama	Outright Margin (RM)	Tebaran Bulan Spot (RM)	Tebaran Bulan Sebelumnya (RM)
AIRASIA BHD	350	110	70
AMMB HOLDINGS BHD	550	170	120
BERJAYA SPORTS TOTO BHD	950	280	200
BURSA MALAYSIA BHD	1200	350	250
GENTING BHD	4750	1450	950
IOI CORPORATION BHD	2650	800	550
MAXIS COMMUNICATIONS BHD	1750	500	350
RHB CAPITAL BHD	500	150	100
SCOMI GROUP BHD	250	80	50
TELEKOM MALAYSIA BHD	1850	550	350



Outright Margin

Outright Margin dilevi ke atas kedudukan niaga hadapan yang tidak membawa kedudukan pengurangan-risiko.

Tebaran Margin

Kadar margin lebih rendah dilevi ke atas kedudukan niaga hadapan yang memiliki kedudukan pengurangan-risiko. Tebaran Margin Bulan Spot boleh digunakan bagi kedudukan tebaran yang merangkumi kontrak bulan spot, manakala Tebaran Margin Bulan Sebelumnya boleh digunakan bagi kedudukan tebaran yang tidak termasuk kontrak bulan spot.

14. Bagaimana saya mengikuti perkembangan portfolio SSF saya?

Broker niaga hadapan anda akan menyediakan penyata kegiatan dagangan dan kedudukan terbuka anda. Pengemaskinian harga terkini bagi setiap SSF boleh diperolehi daripada vendor harga yang utama, manakala harga penyelesaian dan bilangan dagangan boleh diperolehi daripada akhbar-akhbar. Anda juga boleh memperoleh maklumat itu daripada broker anda.

15. Apakah akan ada perbezaan antara harga bagi SSF dan saham dasarnya?

Harga SSF dan stok dasarnya akan secara rapat dihubungkan dan pertemuan antara kedua-duanya akan bertambah menjelang tempoh tamat kontrak SSF. Ini kerana apabila tamat tempoh, SSF akan diselesaikan secara tunai berasaskan harga purata dipertimbangkan daripada harga stok dasar bagi sesi dagangan pagi dan petang di Bursa Malaysia pada Hari Terakhir Dagangan.

Walaupun SSF dan harga saham secara umumnya bergerak dalam arah yang sama, ia akan berlaku keadaan apabila gangguan sementara berlaku dalam harga. Ini memberikan peluang kepada penimbangtara untuk melakukan pembelian serentak daripada harga pasaran yang lebih rendah, dan jualan pada harga pasaran lebih tinggi, untuk mengaut keuntungan daripada ketidakpastian harga. Kewujudan kegiatan dagangan antara-pasaran memastikan pertemuan kedua-dua pasaran.

16. Apakah akan berlaku kepada kedudukan SSF saya apabila berlaku acara korporat?

Apabila berlaku acara korporat seperti penerbitan bonus atau hak, dan stok terpecah dalam stok dasar berlaku, kedudukan terbuka akan diubah mengikut peraturan berikut :

➤ Peraturan 1

Bagi penerbitan bonus, hak-hak atau perpecahan stok yang mengakibatkan pertambahan bilangan saham yang dipegang selepas penyesuaian kedudukan terbuka SSF mungkin bertambah (margin dikurangkan untuk menggambarkan pengurangan lot-lot yang terlebih) dan harga dikurangkan mengikut faktor penyesuaian dan pada masa yang sama, mengekalkan saiz kontrak standard sebanyak 1,000 saham. Sila rujuk kepada Contoh 1, 2, 3 & 5 bagi menunjukkan pengiraan-pengiraannya.

➤ Peraturan 2

Bagi tujuan pembinaan semula dimana saham-saham sedia ada dikonsolidasi menjadi unit-unit saham satu lot yang kecil dengan harga saham yang lebih tinggi, kedudukan akan kekal tidak berubah dengan saiz kontrak pada 1,000 unit saham (margin bertambah bagi menggambarkan peningkatan dalam perbezaan lot yang menjadikannya 1000 unit). Maka itu, kedudukan terbuka SSF akan menjadi "tidak berubah" apabila berlaku permodalan semula. Senario ini digambarkan dalam Contoh 4.

Apabila harga minimum turun naik bagi SSF adalah dua 'ticks' (0.02), penyesuaian harga hasil daripada acara korporat dikumpul kepada 'tick' terhampir 0.02. Dalam keadaan harga yang diselaraskan bersamaan antara dua harga minimum turun naik, harga itu dihindarkan kepada mata perpuluhan tertinggi.

Selepas pasaran ditutup pada 'tanpa tarikh tolak 1' iaitu sehari sebelum penyesuaian semula modal ke atas saham dasar dibuat, proses biasa penyelesaian hari terakhir akan dilakukan. Sebagai tambahan, satu lagi prosedur dilakukan, dimana kedudukan terbuka terjejas oleh penyesuaian modal, diselaraskan menggunakan satu daripada peraturan di atas bergantung kepada bentuk penyesuaian modal yang terlibat. Harga hasil daripada penyesuaian kedudukan terbuka dikira berasaskan kesan nisbah Penyesuaian Modal pada Harga Penyelesaian hari terakhir.

17. Apa berlaku apabila saham dasar membayar dividen?

Lazimnya, tidak akan ada penyesuaian dilakukan bagi dividen biasa. Namun, penyesuaian boleh dilakukan dalam kes-kes tertentu, misalnya, dalam kes dividen khas.

18. Apa berlaku kepada kedudukan SSF saya apabila berlaku pengambil-alihan korporat?

Apabila berlakunya pengambil-alihan atau penggabungan, yang menyebabkan penyahsenaraian saham dasar, kontrak SSF juga akan dinyahsenaraikan atau dihentikan dagangannya.



19. Apa berlaku apabila saham dasar digantung?

Kontrak SSF akan digantung dagangannya apabila saham dasar digantung.

PENAFIAN

FAQ ini disediakan oleh Bursa Malaysia Derivatives Berhad bagi tujuan rujukan umum sahaja. Walaupun perhatian telah diambil bagi memastikan ketepatan maklumat/data di dalam brosur ini, tidak ada jaminan atau representasi yang dijelaskan atau digambarkan oleh Bursa Malaysia Derivatives Berhad ke atas ketepatan atau kesempurnaan bahan-bahan ini, maka itu undang-undang berkaitan dan peraturan semasa Bursa dan Syarikat Broker hendaklah dirujuk.

NIAGA HADAPAN DAN DAGANGAN OPSYEN MEMBABITKAN RISIKO. MAKA ITU, KETAHUILAH RISIKONYA SEBELUM ANDA BERDAGANG.

Peraturan Perniagaan Bursa Malaysia Derivatives Berhad mengatasi semua perkara berkaitan kontrak-kontrak derivatif. Sila pastikan versi terkini Peraturan Perniagaan Semasa Bursa Malaysia Derivatives Berhad dirujuk bagi spesifikasi dagangan dan kontrak kerana spesifikasi seumpamanya mungkin berubah dari masa ke masa.

Sila hubungi broker niaga hadapan anda atau Bursa Malaysia Derivatives Berhad berkaitan spesifikasi kontrak semasa.

Teks penerbitan ini, atau sebahagian daripadanya, tidak boleh diterbitkan semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau kaedah, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman, penyimpanan dalam sistem teknologi maklumat, atau seumpamanya, tanpa mendapat kebenaran bertulis Bursa Malaysia Derivatives Berhad.

Semua hak terpelihara.

Contoh-contoh Penyelarasan SSF bagi Acara Korporat

Contoh 1: Stok Terpisah

Stok terpisah 1 kepada 2 telah diisytiharkan bagi stok dasar "FABC".

Faktor penyelarasan (R) = $N_0/N_n = \frac{1}{2}$ or 0.5.

Sebelum penyelarasan, seseorang pelabur memegang Kedudukan Terbuka berikut (+ = panjang, - = singkat) dengan Harga Penyelesaian untuk hari tersebut:

<u>Kedudukan dan Harga Asal</u>	<u>Harga Penyelesaian Sebelum Penyelarasan</u>
a) +1 FABC Apr06 @10.00	9.82
b) +2 FABC Mei06 @10.50	9.78
c) -3 FABC Jun06 @10.80	10.54
d) -4 FABC Sep06 @10.74	10.36

"Mark-to-market" berikut diisytiharkan sebelum penyelarasan:

a)	(9.82 – 10.00) X 1 X 1000	= RM 180 DR
b)	(9.78 – 10.50) X 2 X 1000	= RM1,440 DR
c)	(10.80 – 10.54) X 3 X 1000	= RM 780 CR
d)	(10.74 – 10.36) X 4 X 1000	= <u>RM1,520 CR</u>
Jumlah Keseluruhan mark-to-market		<u>RM 680 CR</u>

Harga-harga bagi Kedudukan terbuka bagi bulan-bulan kontrak berkenaan diselaraskan seperti berikut (semua harga yang terhasil dihimpunkan kepada gandaan terdekat 0.02):

Apr06	9.82 X 0.5	= 4.92
Mei06	9.78 X 0.5	= 4.90
Jun06	10.54 X 0.5	= 5.28
Sep06	10.36 X 0.5	= 5.18

Selepas penyelarasan, Kedudukan Terbuka pada Permulaan-Hari tanpa tarikh ialah:

a)	+1 x 2 = +2 FABC Apr06 @4.92
b)	+2 x 2 = +4 FABC Mei06 @4.90
c)	-3 x 2 = -6 FABC Jun06 @5.28
d)	-4 x 2 = -8 FABC Jul06 @5.18

Kedudukan Terbuka digandakan 2 adalah songsang daripada faktor penyelarasan (1/0.5) yang telah dihimpunkan kepada nombor keseluruhan yang terdekat.

Contoh 2: Penerbitan Bonus

Penerbitan bonus 1 saham bagi setiap 3 saham yang dipegang telah diisytiharkan bagi stok "FDEF".

Faktor penyelarasan (R) = $N_0/N_n = \frac{3}{4}$ atau 0.75.

Sebelum penyelarasan, seorang pelabur memegang Kedudukan Terbuka berikut (+ = panjang, - = singkat) dengan Harga Penyelesaian bagi hari tersebut:

<u>Kedudukan dan Harga Asal</u>	<u>Harga Penyelesaian Sebelum Penyelarasan</u>
a) +1 FDEF Apr06 @10.00	9.82
b) +3 FDEF Mei06 @10.50	9.78
c) -4 FDEF Jun06 @10.80	10.54
d) -6 FDEF Sep06 @10.74	10.36

"Mark-to-market" berikut diisytiharkan sebelum penyelarasan:

a)	(9.82 – 10.00) X 1 X 1000	= RM 180 DR
b)	(9.78 – 10.50) X 3 X 1000	= RM2,160 DR
c)	(10.80 – 10.54) X 4 X 1000	= RM1,040 CR
d)	(10.74 – 10.36) X 6 X 1000	= <u>RM2,280 CR</u>
Jumlah Keseluruhan mark-to-market		<u>RM 980 CR</u>

Harga-harga bagi Kedudukan Terbuka bagi bulan-bulan kontrak berkenaan diselaraskan seperti berikut (semua harga yang terhasil dihimpunkan kepada gandaan terdekat 0.02):

Apr06	9.82 X 0.75	= 7.36
Mei06	9.78 X 0.75	= 7.34
Jun06	10.54 X 0.75	= 7.90
Sep06	10.36 X 0.75	= 7.78

Selepas penyelarasan, Kedudukan Terbuka pada Permulaan-Hari tanpa tarikh ialah:

a)	+1 x 1 = +1 FDEF Apr06 @7.36
b)	+3 x 1 = +3 FDEF Mei06 @7.34
c)	-4 x 1 = - 4 FDEF Jun06 @7.90
d)	-6 x 1 = - 6 FDEF Sep06 @7.78

Gandaan Kedudukan Terbuka bagi 1 disongsangkan kepada faktor penyelarasan ($1/0.75 = 1.33$) yang telah dihimpunkan kepada angka keseluruhan terdekat.

Nota:

Semua lot tambahan hasil daripada penyelarasan kejadian korporat tidak akan diambil kira dan keperluan margin akan dikurangkan bagi menggambarkan pengurangan dalam lot ganjil kedudukan terbuka. Maka itu, tiada pertambahan dalam kedudukan terbuka dalam Contoh ini.

Contoh 3: Penerbitan Bonus

Penerbitan bonus bagi setiap 2 saham dipegang diisytiharkan bagi stok dasar "FGHI".

Faktor penyelarasan (R) = $N_0/N_n = 2/5$ or 0.4.

Sebelum penyelarasan, seorang pelabur memegang Kedudukan Terbuka berikut (+ = panjang, - = singkat) dengan Harga Penyelesaian hari tersebut:

<u>Kedudukan dan Harga Asal</u>	<u>Harga Penyelesaian Sebelum Penyelarasan</u>
a) +1 FGHI Apr06 @10.00	9.82
b) +3 FGHI Mei06 @10.50	9.78
c) -4 FGHI Jun06 @10.80	10.54
d) -6 FGHI Sep06 @10.74	10.36

'Mark-to-market' berikut diisytiharkan:

a)	$(9.82 - 10.00) \times 1 \times 1000$	= RM 180 DR
b)	$(9.78 - 10.50) \times 3 \times 1000$	= RM2,160 DR
c)	$(10.80 - 10.54) \times 4 \times 1000$	= RM1,040 CR
d)	$(10.74 - 10.36) \times 6 \times 1000$	= <u>RM2,280 CR</u>
Jumlah Keseluruhan mark-to-market		<u>RM 980 CR</u>

Harga-harga bagi Kedudukan terbuka bagi bulan-bulan kontrak berkenaan diselaraskan seperti berikut (semua harga yang terhasil dihimpunkan kepada gandaan terdekat 0.02):

Apr06	9.82×0.4	= 3.92
Mei06	9.78×0.4	= 3.92
Jun06	10.54×0.4	= 4.22
Sep06	10.36×0.4	= 4.14

Selepas penyelarasan, Kedudukan Terbuka pada Permulaan-Hari pada tanpa tarikh ialah:

a)	$+1 \times 2 = +2$ FGHI Apr06 @3.92
b)	$+3 \times 2 = +6$ FGHI Mei06 @3.92
c)	$-4 \times 2 = -8$ FGHI Jun06 @4.22
d)	$-6 \times 2 = -12$ FGHI Sep06 @4.14

Gandaan Kedudukan Terbuka bagi 2 disongsangkan kepada faktor penyelarasan ($1/0.4 = 2.50$) yang telah dihimpunkan kepada angka keseluruhan terdekat.

Nota:

Semua lot tambahan hasil daripada penyelarasan acara korporat tidak akan diambil kira dan keperluan margin akan dikurangkan bagi menggambarkan pengurangan dalam lot ganjil kedudukan terbuka. Maka itu, pertambahan dalam kedudukan terbuka berkaitan hanya kepada pertambahan lot penuh.

Contoh 4: Langkah Konsolidasi

Langkah konsolidasi dimana setiap 3 saham yang dipegang ditukar menjadi 2 saham, telah diisytiharkan bagi stok dasar ``FJKL``.

Faktor penyesuaian (R) = $N_0/N_n = 3/2$ or 1.5.

Sebelum penyesuaian, seorang pelabur memegang Kedudukan Terbuka berikut (+ = panjang, - = singkat) dengan Harga Penyelesaian bagi hari tersebut:

<u>Kedudukan dan Harga Asal</u>	<u>Harga Penyelesaian Sebelum Penyesuaian</u>
a) +1 FJKL Apr06 @10.00	9.82
b) +3 FJKL Mei06 @10.50	9.78
c) -4 FJKL Jun06 @10.80	10.54
d) -6 FJKL Sep06 @10.74	10.36

``Mark-to-market`` berikut diisytiharkan:

a)	$(9.82 - 10.00) \times 1 \times 1000$	= RM 180 DR
b)	$(9.78 - 10.50) \times 3 \times 1000$	= RM2,160 DR
c)	$(10.80 - 10.54) \times 4 \times 1000$	= RM1,040 CR
d)	$(10.74 - 10.36) \times 6 \times 1000$	= <u>RM2,280 CR</u>
	Jumlah mark-to-market	<u>RM 980 CR</u>

Harga-harga bagi Kedudukan Terbuka bagi bulan-bulan kontrak berkenaan diselaraskan seperti berikut (semua harga yang terhasil dihimpunkan kepada gandaan terdekat 0.02):

Apr06	9.82×1.5	= 14.74
Mei06	9.78×1.5	= 14.68
Jun06	10.54×1.5	= 15.82
Sep06	10.36×1.5	= 15.54

Selepas penyesuaian, Kedudukan Terbuka pada Permulaan-Hari tanpa tarikh ialah:

a)	$+1 \times 1 = +1$ FJKL Apr06 @14.74
b)	$+3 \times 1 = +3$ FJKL Mei06 @14.68
c)	$-4 \times 1 = -4$ FJKL Jun06 @15.82
d)	$-6 \times 1 = -6$ FJKL Sep06 @15.54

Gandaan Kedudukan Terbuka bagi 1 disongsangkan kepada faktor penyesuaian ($1/1.5 = 0.660$) yang telah dihimpunkan kepada angka keseluruhan terdekat. (bilangan lot kekal tidak berubah dan saiz lot/unit kontrak kekal pada 1,000 unit saham setiap satu lot)

Nota:

Semua hasil pengurangan unit kontrak daripada 1,000 unit akibat penyelarasan acara korporat akan diselaraskan semula kembali kepada saiz lot standard 1,000 unit. Keperluan margin akan bertambah bagi menggambarkan penyelarasan semula itu.

Contoh 5: Penerbitan Hak-hak

Penerbitan hak-hak 1 saham bagi setiap 2 saham yang dipegang diisytiharkan bagi stok dasar "FMNO".

Harga stok syarikat MNO company ialah RM10.00.

Harga stok baru bagi penerbitan hak ditawarkan pada RM4.00 seunit.

$$\begin{aligned} \text{Faktor penyelarasan (R)} &= N_0/N_n \times (1 - E/S_0) + E/S_0 = N_0/N_n \\ &= 2/3 \times (1 - 4.00/10.00) + (4.00/10.00) = 0.80 \end{aligned}$$

Sebelum penyelarasan, seorang pelabur memegang Kedudukan Terbuka berikut (+ = panjang, - = singkat) dengan Harga Penyelesaian bagi hari tersebut:

<u>Kedudukan dan Harga Asal</u>	<u>Harga Penyelesaian Sebelum Penyelarasan</u>
a) +2 FMNO May06 @10.50	10.80

``Mark-to-market' berikut diisytiharkan:

$$\text{a) } (10.80 - 10.50) \times 2 \times 1000 = \text{RM600 CR}$$

Harga-harga bagi Kedudukan Terbuka bagi bulan-bulan kontrak berkenaan diselaraskan seperti berikut (semua harga yang terhasil dihimpunkan kepada gandaan terdekat 0.02):

$$\text{Mei06 } 10.80 \times 0.80 = 8.64$$

Selepas penyelarasan, Kedudukan Terbuka pada Permulaan Hari tanpa tarikh ialah:

$$\text{b) } +2 \times 1 = +2 \text{ FMNO Mei06 @8.64}$$

Gandaan Kedudukan Terbuka bagi 1 disongsangkan kepada faktor penyelarasan (1/0.80 = 1.25) yang telah dihimpunkan kepada angka keseluruhan terdekat.

Nota:

Semua lot ganjil tambahan hasil daripada penyelarasan acara korporat tidak akan diambil kira dan keperluan margin akan dikurangkan bagi menggambarkan pengurangan dalam lot ganjil kedudukan terbuka. Maka itu, tiada pertambahan Kedudukan Terbuka dalam Contoh ini.